



KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM



JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

e-Buletin

JABATAN ALAM SEKITAR

Edisi 2019
E ISSN 2710-5644



Majlis Penyerahan Tugas dan *Send Off* Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar



Majlis Persaraan YBhg. Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib bin Che Ibrahim



Pada 25 Jun 2019 satu majlis persaraan Dato' Ketua Pengarah Alam Sekitar telah berlangsung di lobi aras 1 Jabatan Alam Sekitar. Beliau telah berkhidmat selama lebih 30 tahun dalam perkhidmatan Awam dan kini beliau diraikan dalam majlis persaraan dan penyerahan tugas kepada Ketua Pengarah yang Baru.

En Azman bin Mamat selaku Pengarah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan telah membuat pengumuman bahawa Ketua Pengarah baharu bagi Jabatan Alam Sekitar ialah Puan Norlin binti Jaafar.

Majlis ini juga dihadiri oleh pengarah bahagian dan juga negeri bagi memberi penghormatan dan ucapan terima kasih kepada Dato' sebelum beliau bersara.

Semua yang hadir mengambil peluang untuk bersalaman dan mengucapkan terima kasih atas khidmat serta nasihat beliau sepanjang menerajui JAS. Di akhir majlis ini, diadakan juga sesi bergambar Bersama Dato' serta kesemua yang hadir pada majlis tersebut.

MESYUARAT KERJA SEMAKAN SEMULA PROSEDUR TETAP OPERASI PENGAWASAN KUALITI AIR MARIN, DRAF MODUL LATIHAN STANDAD DAN INDEKS KUALITI AIR MARIN MALAYSIA

25-27 JUN 2019



Bahagian Air dan Marin, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengadakan Mesyuarat Kerja Semakan Semula Prosedur Tetap Operasi (PTO) Pengawasan Kualiti Air Marin, Draf Modul Latihan Standad dan Indeks Kualiti Air Marin Malaysia pada 25 – 27 Jun 2019, bertempat di Klana Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Objektif penganjuran mesyuarat dan semakan semula ini adalah untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan daripada pegawai-pegawai JAS bagi menambahbaik SOP Pengawasan Marin dan Draf Modul Latihan Standad dan Indeks Kualiti Air Marin Malaysia ke arah pemakaiannya oleh pegawai-pegawai JAS Malaysia.

lanya melibatkan seramai 30 orang wakil yang terdiri daripada pegawai-pegawai senior dari JAS negeri, Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) dan Syarikat Pakar Scieno Transwater Sdn Bhd .

Mesyuarat kerja ini adalah penting untuk mendapatkan input daripada pegawai-pegawai JAS yang terlibat dalam pengawasan kualiti air marin / pengawasan alam sekitar supaya SOP Pengawasan Marin yang telah diterbitkan pada tahun 2010 dapat ditambahbaik berdasarkan Standad dan Indeks Kualiti Air Marin yang telah dikaji semula dan diguna pakai pada 23 Mac 2019.

Selain itu, SOP sedia ada hendaklah selaras dan menepati kehendak semasa sepertimana yang telah dipersetujui dalam Program Pengawasan Alam Sekitar (EQMP). Dalam hal ini, satu modul latihan mengenai Pengawasan Marin akan diperhalusi oleh pegawai-pegawai JAS demi untuk meningkatkan pembangunan modal insan pegawai JAS dalam Pengawasan Kualiti Air Marin di Malaysia.

‘TRANSformasi perkhidmatan ict ke arah peningkatan kualiti penguatkuasaan dan pengawasan alam sekitar’

Transformasi Perkhidmatan ICT perlu seiring dengan perubahan teknologi perkakasan (*hardware*) dan perisian (*software*) yang merupakan elemen teras dalam membentuk arkitektur perkhidmatan ICT yang lengkap dan berfungsi sepenuhnya.

Menyahut perubahan itu, Bahagian Teknologi Maklumat, JAS telah membangunkan sistem Aplikasi bagi menggantikan sistem manual sedia ada dan mengguna pakai perisian yang komprehensif bagi membantu dalam penguatkuasaan dan pengawasan kualiti alam sekitar



Tahukah Anda?

Aplikasi Geospasial Alam Sekitar (GEOSpAS) kini lebih mudah dan mesra pengguna? Ia bertujuan bagi membantu Pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) menambah nilai Pelaporan Siasatan / Penilaian Projek menggunakan Aplikasi GEOSpAS.



Langkah Mudah Untuk Log In

1

Layari Aplikasi Web GEOSpAS di pautan berikut:
<http://geospas.doe.gov.my/portalv2>

2

Masukkan Username dan Password
Username: email JAS (Contohnya: aai@doe.gov.my)
Password : sama seperti password E-KAS

3


Klik Modul Pilihan
Modul-modul yang terdapat dalam
Aplikasi GEOSpAS

4

Paparan Penuh
Di ruang sebelah kanan paparan
aplikasi terdapat paparan akaun
pengguna yang sedang menggunakan
aplikasi tersebut. Klik ikon paparan
penuh untuk mendapatkan paparan
penuh aplikasi.

Abd Aziz Ismail

AI





PENGENALAN



Perisian yang diperoleh melalui pelan langganan bulanan atau tahunan

Instalasi O365 telah dilaksanakan pada bulan Februari 2019

JAS mempunyai 288 unit lesen O365 Pro Plus untuk pengguna JAS Putrajaya

Merupakan perisian terkini MS Office 365 dan sentiasa *up-to-date*


Merangkumi pakej lengkap Mice

- i. Office Desktop
- ii. Office Mobile
- iii. Office Online




KELEBIHAN


Penyimpanan Awan (Cloud Storage)


Pelbagai Peranti
Maximum 15 Peranti Untuk Lesen (5 Desktop/Laptop, 5 Tablet, 5 Phone)


Sistem Pengoperasian (OS)
Boleh di Install di Kedua-dua OS


Perkongsian Fail
Pilih Pengguna Untuk Berkongsi File (One Drive)


Pelbagai Templat
Mempunyai Lebih 200 Templat Powerpoint



CIRI KESELAMATAN ?



Perkongsian Fail Dikawal

Pengguna Tentukan Dengan Siapa Fail Boleh Dikongsi



Kawal Selia Pengguna

Admin Boleh Menambah, Memadam Dan Mengawal Selia Pengguna



5 Lapisan Keselamatan

Pemantauan Proaktif Daripada Microsoft Membantu Keselamatan Data Pengguna



2 Lapisan Penghapusan Data

Melalui Penghapusan Data Di One Drive

Kunjungan Hormat Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia Ke Pejabat Ketua Audit Negara Malaysia

Program Kunjung Hormat Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia ke Pejabat Ketua Audit Negara Malaysia di Putrajaya serta Taklimat Mengenai Pencemaran Sungai Kim Kim dan Pasir Gudang Serta Pencemaran Plastik di Malaysia bertempat di Bilik Persidangan Utama, Jabatan Audit Negara.

Taklimat dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara Malaysia, YBhg Dato' Nik Azman Nik Abdul Majid. Taklimat disampaikan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia, Puan Norlin Binti Jaafar dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, En Wan Abdul Latif Bin Wan Jaffar dan Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penguatkuasa, Puan Fenny Wong.

Antara perkara yang dibincangkan adalah berkaitan penguatkuasaan dan tindakan Jabatan Alam Sekitar dalam menangani pencemaran di Sungai Kim Kim, pencemaran di Pasir Gudang dan pengimpotan plastik di pelabuhan utama di Malaysia.

Jabatan Alam Sekitar mengucapkan ribuan terima kasih dan mengalu-alukan lebih banyak kerjasama dengan Jabatan Audit Negara pada masa akan datang.



OPERASI PEMERIKSAAN BERSEPADU DI PASIR GUDANG OLEH JABATAN ALAM SEKITAR

OPERASI PEMERIKSAAN BERSEPADU TERHADAP KILANG-KILANG YANG TIADA LESEN PERNIAGAAN BERSAMA YB MENTERI (MESTECC), YB EXCO ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR, PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR DAN MAJLIS PEMBANDARAN PASIR GUDANG (MPPG)



Fokus operasi pemeriksaan yang dilakukan adalah terhadap kilang-kilang yang tiada lesen perniagaan. Majlis Pemandaran Pasir Gudang (MPPG) telah menyita kilang-kilang tanpa lesen tersebut dan di arah henti operasi. Tindakan seterusnya adalah mengarahkan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) memotong bekalan elektrik dikilang tersebut. Operasi bersepadu ini melibatkan pegawai-pegawai dari Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) & Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (JAS).

OPERASI PEMERIKSAAN BERSEPADU TERHADAP KILANG-KILANG YANG MENGENDALIKAN SISA BUANGAN TERJADUAL DAN KIMIA DI PASIR GUDANG



Fokus operasi pemeriksaan yang dilakukan adalah terhadap kilang-kilang yang berpotensi menyebabkan pencemaran. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengambil tindakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.


Sehingga 10 Julai 2019, JAS telah mengeluarkan sebanyak 119 kompaun bagi pengendalian buangan terjadual, 10 kompaun bagi kesalahan efluen industri, satu kompaun untuk loji kumbahan, 55 notis arahan, 11 perintah tahan operasi dan tiga tindakan syor mahkamah.

Operasi bersepadu minggu ini melibatkan pegawai-pegawai;

- Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG)
- Angkatan Pertahanan Awam (APM)
- Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Keselamatan Pekerjaan, Kesihatan Pekerjaan (DOSH)



5 ISU UTAMA SEPANJANG JUN HINGGA OGOS 2019





Hari Alam Sekitar Negara (HASN) merupakan satu penjenamaan semula yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar daripada penganjuran Sambutan Hari Alam Sekitar Malaysia dan Minggu Alam Sekitar Malaysia pada tahun-tahun sebelum ini. Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) merupakan satu acara tahunan yang telah dianjurkan susulan termaktubnya Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar pada Oktober 1989. Semenjak tahun 1991, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ketika itu) menerusi Jabatan Alam Sekitar telah merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti sebagai usaha berterusan Kerajaan untuk menerap dan meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat Malaysia. MASM disambut pada setiap tahun dari 21 hingga 27 Oktober bersempena Hari Alam Sekitar Malaysia yang jatuh pada 21 Oktober.

Atas cetusan idea YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bersempena sambutan MASM yang ke-25 pada tahun 2015, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah bersetuju menjenamakan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) kepada Hari Alam Sekitar Negara, HASN (National Environment Day).

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara telah mula dianjurkan pada tahun 2016 bertempat di Kuching, Sarawak dengan membawa tema buat julung kalinya iaitu "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama"

Tema ini dipilih bertujuan untuk menanamkan sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar di kalangan seluruh rakyat Malaysia.

Objektif Sambutan Hari Alam Sekitar Negara:-

- ❖ Mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara meluas
- ❖ Menyediakan platform kepada rakyat Malaysia untuk bersama-sama menghayati alam sekitar
- ❖ Mengiktiraf kepada mereka yang telah memberi sumbangan signifikan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar
- ❖ Membudaya dan memupuk kesedaran di kalangan masyarakat khususnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar

HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2018

PERINGKAT NEGERI PERLIS

3 NOVEMBER 2018

SEKOLAH KEBANGSAAN KUBANG GAJAH, ARAU, PERLIS

Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Perlis Tahun 2018 oleh DYTM Tuanku Raja Muda Perlis



Pelepasan Program Kayuhan Bersama DYTM Tuanku Raja Muda Perlis oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia




DYTM Tuanku Raja Muda Perlis Bersama dengan para tetamu



Antara aktiviti yang dijalankan semasa Hari Alam Sekitar Negara (HASN)





Enviro - Museum
Enviro Knowledge Management Centre

PENGENALAN

Enviro Museum atau dikenali sebagai EMUSEUM mula dilancarkan pada 15 September 2015 dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ahmad Kamarulnajib Bin Che Ibrahim selaku Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar pada waktu itu.

EMUSEUM merupakan repository berkaitan gambar aktiviti Jabatan Alam Sekitar. Perancangan ini dimulakan dengan kajian berkaitan aktiviti dan program jabatan yang melibatkan ibu pejabat, Jas Negeri dan Cawangan. di Putrajaya dalam tempoh dua minggu.

Satu jawatankuasa telah dibentuk untuk mengumpul sumber maklumat bergambar dengan tujuan untuk menyimpan secara online.



Enviro Knowledge
Management Centre


PENGENALAN

Enviro knowledge management centre atau dikenali sebagai EKMC mula dilancarkan pada 28 Januari 2014 dan dirasmikan oleh Ybhg. Dato Halimah Hasan selaku Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar pada waktu itu

EKMC merupakan repository terbitan Jabatan Alam Sekitar yang telah dirancang pada tahun 2012. Perancangan ini dimulakan dengan kajian berkaitan perpustakaan digital di pejabat kerajaan sekitar Putrajaya. Soalan soal selidik diedar melalui email kepada semua Pustakawan perpustakaan yang ada di Putrajaya dalam tempoh dua minggu.

EKMC lebih tertumpu kepada semua terbitan jabatan alam sekitar dan termasuklah EIA yang telah mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar bagi tujuan rujukan kepada pengguna terutama pelajar Universiti dan juga orang awam yang terlibat dengan program alam sekitar.

Pelaksanaan EKMC ini meliputi pelbagai bahan digital yang telah di convert dari hardcopy kepada softcopy. Ia termasuklah bahan yang sedia ada dalam format softcopy. Kesemua bahan digital ini dimasukkan ke dalam sistem pada setiap hari bagi meastikan bahan tersebut bertambah untuk rujukan pengguna. Sehingga hari ini EKMC telah menempah nama di Word Library Information Congress pada tahun 2018 apabila menyertai pertandingan Library Boulevard di persidangan tersebut . Kini EKMC terus memberi manfaat kepada lebih 20,000 pengguna setahun termasuk dari luar negara terutama negara eropah dan Amerika Syarikat.




Kempen Jom Baca Bersama



10 Minit

Kempen Jom Baca Bersama 10 Minit telah diadakan secara serentak di Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar HQ, EIMAS dan Jabatan Alam Sekitar Negeri. Kempen ini mendapat sambutan di luar jangkaan dengan penyertaan seramai 200 orang kakitangan Jabatan Alam Sekitar diseluruh Malaysia. Tujuan kempen ini diadakan adalah untuk menyahut seruan kerajaan bagi melahirkan lebih ramai rakyat Malaysia minat membaca dan menambah ilmu pengetahuan.

Program ini telah diadakan pada 23 April 2019 pada jam 11.00 sehingga 11.10 pagi. Selain daripada aktiviti membaca, terdapat juga slot 'bacaan kegemaran saya' yang disertai oleh Pustakawan iaitu Encik Wan Azuan Shah Bin Wan Mohamed dengan bukunya 'Hebatnya Bersedekah' dan diikuti dengan Encik Zaharil Bin Arshad dengan bukunya 'Air dan Kanser'. Terdapat juga sesi soal jawab sewaktu slot 'bacaan kegemaran saya' itu diadakan.



BENKEL GAMIFICATION, INFOGRAFIK & VIDEO



Bengkel ini diadakan pada 25 hingga 27 Jun 2019 bertempat di Bilik ICT , Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Alam Sekitar Putrajaya. Peserta bengkel terdiri daripada staf jabatan sendiri.


Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai aplikasi yang ada dalam penyediaan tugasan .

Tenaga pengajar terdiri daripada Prof Madya. Dr. Shahrul Mizan Ismail (UKM).

blippAR

Mentimeter

Kahoot!





SAMBUTAN HARI BUMI 2019

Hari Bumi adalah satu acara tahunan yang disambut pada 22 April setiap tahun oleh masyarakat di 192 negara di seluruh dunia. Ianya bermula sebagai satu gerakan di Amerika sejak 1970an yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta melibatkan penyertaan orang awam dalam usaha ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Pelbagai aktiviti yang menjurus kepada kesedaran alam sekitar oleh semua pihak boleh diadakan, antaranya seperti perarakan, aktiviti penanaman pokok, gotong-royong pembersihan kawasan dan sebagainya. Penganjuran program-program seumpama ini akan menarik minat masyarakat setempat untuk mengambil tahu, memahami dan seterusnya menghayati mesej alam sekitar yang ingin disampaikan.

Tema Hari Bumi 2019 adalah **“Lindungi Spesies Kita” (Protect Our Species)**. Pengurangan dan kemusnahan spesies tumbuh-tumbuhan dan populasi haiwan liar adalah berhubungkait dengan aktiviti

manusia seperti pencemaran alam sekitar, aktiviti pertanian dan penggunaan racun perosak yang tidak terkawal, penebangan hutan, perubahan iklim serta pemerdagangan dan pemburuan haram. Matlamat kempen Lindungi Spesis Kita oleh *Earth Day Network* ini termasuk:

- Mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepupusan berjuta-juta spesies dan punca serta akibat kepupusan tersebut.
- Membina dan mengaktifkan pergerakan di peringkat global yang merangkumi sifat dan nilai intrinsik alam sekitar.
- Usaha ke arah pencapaian dari segi penetapan dasar dan polisi yang melindungi spesies spesifik di seluruh dunia.

Sambutan Hari Bumi 2019 Peringkat Kebangsaan telah dianjurkan pada 21 April 2019 (Ahad) di Taman Awam Teluk Likas 1, Kota Kinabalu, Sabah.



Para pemenang bagi pertandingan mewarna



Sampah sarap yang berjaya dikumpul oleh para peserta sepanjang aktiviti Plogging dijalankan

Di Malaysia, pelbagai aktiviti bertemakan alam sekitar dianjurkan oleh pelbagai pihak bersempena dengan Hari Bumi 2018. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar telah menganjurkan Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik Isi Rumah (*Household E-Waste*) di Kuala Lipis, Pahang pada 13 April 2018 dan telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Program tersebut juga turut diadakan di Kuching, Sarawak pada 5 Mei 2018 dan dirasmikan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik Isi Rumah ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang awam mengenai pengurusan dan pelupusan *e-waste* secara selamat. Jenis-jenis *e-waste* yang dikumpulkan termasuklah televisyen, penyaman udara, mesin basuh, peti sejuk, komputer, telefon bimbit dan peralatan-peralatan elektrik kecil yang lain. Selain itu, bersempena dengan Hari Bumi 2018 ini juga, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar dan agensi lain di bawahnya juga telah menganjurkan Program Restorasi Hutan Bersama Rakyat Daerah Tangkak pada 22 April 2018. Program tersebut telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.



Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar merasmikan Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik Isi Rumah (*Household E-Waste*) di Kuala Lipis, Pahang pada 13 April 2018

Pelbagai program kesedaran alam sekitar juga dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri bersempena dengan Hari Bumi 2018. Antaranya adalah *plogging* di pantai, seminar, pameran dan *enviro-hiking*. Selaras dengan tema Hari Bumi 2018 iaitu "Hentikan pencemaran plastik", penggunaan plastik sekali guna seperti penyedut minuman, bekas makanan dan bag plastik dikurangkan seboleh mungkin sepanjang program dijalankan. Masyarakat juga adalah digalakkan untuk tidak menggunakan plastik sekali guna bagi mengurangkan dan seterusnya mengelakkan pencemaran yang berpunca dari plastik.



Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik Isi Rumah (*Household E-Waste*) di Kuala Lipis, Pahang pada 13 April 2018



Penduduk sekitar membawa buangan elektrik dan elektronik ke Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik Isi Rumah (*Household E-Waste*) di Kuching, Sarawak pada 5 Mei 2018

Anugerah Langkawi - Kelestarian Alam Sekitar



Anugerah Langkawi dianjurkan sebagai memberi pengiktirafan kepada individu dan organisasi yang telah mencapai kecemerlangan dalam menyumbangkan kepakaran, buah fikiran, tenaga dan masa dalam bidang alam sekitar. Anugerah ini juga merupakan inspirasi kepada individu dan organisasi lain untuk terus berusaha ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Pengurniaan Anugerah Langkawi kepada warganegara Malaysia merupakan program dwitahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar sempena sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) bagi memperingati Deklarasi Langkawi yang telah ditandatangani oleh Ketua-ketua Negara Komanwel pada tahun 1989. Anugerah ini telah mula diperkenalkan pada tahun 1991 bagi menunjukkan komitmen rakyat Malaysia amnya dan negara khususnya dalam mencapai matlamat pembangunan mapan sepertimana termaktub dalam Deklarasi Langkawi.

Anugerah Langkawi memberikan penghargaan dan penghormatan tertinggi negara kepada individu dan organisasi/pertubuhan yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang alam sekitar, sama ada dalam bidang pengurusan, perniagaan, penyelidikan saintifik, akademik, penulisan dan bidang-bidang lain yang berkaitan. Ianya dihadiahkan kepada individu dan

organisasi/pertubuhan yang telah memberikan sumbangan tenaga dan buah fikiran dalam bidang alam sekitar serta bergiat ke arah:

- Meningkatkan penyertaan orang awam dalam perlindungan alam sekitar;
- Menghasilkan keberhasilan (*outcome*) yang penting dan berjaya menyelesaikan masalah perlindungan alam sekitar di peringkat tempatan dan/atau antarabangsa;
- Berjaya menarik perhatian masyarakat kepada masalah alam sekitar yang genting/penting dan menggerakkan tindakan bersepadu semua pihak ke arah penyelesaiannya.



Para pemenang Kategori Individu dan Organisasi Anugerah Langkawi – Kelestarian Alam Sekitar sesi 2017/2018



ANUGERAH LANGKAWI - KELESTARIAN ALAM SEKITAR 2017 / 2018



Pengurniaan Anugerah Langkawi-Kelestarian Alam Sekitar kepada warganegara Malaysia dan organisasi di Malaysia yang telah mencapai kecemerlangan dalam bidang alam sekitar adalah salah satu daripada program yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sempena Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) pada setiap tahun. Ia bermula pada tahun 1991, selaras dengan Deklarasi Langkawi yang telah ditandatangani oleh Ketua-Ketua Negara Komanwel pada tahun 1989.

Pencalonan anugerah ini dibuka kepada ahli-ahli Majlis Kualiti Alam Sekeliling (EQC), Kerajaan Negeri, Syarikat- Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Swasta, Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan, Institut Pengajian Tinggi Awam/ Swasta dan semua Kementerian yang sebahagiannya adalah Rakan Strategik JAS.

Penerima anugerah ini akan menerima sijil pengiktirafan daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, plak penghargaan daripada Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan wang tunai.

Bagi tahun 2017/ 2018 adalah merupakan penganugerahan kali ke 22 dan proses pencalonan telah dilaksanakan pada awal tahun 2018, manakala sesi penganugerahan pula telah diadakan pada 8 November 2018 di Putrajaya Marriott Hotel sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2018. Penerima anugerah bagi kategori individu ialah YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlin bin Mokhtar, Felo Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) manakala penerima bagi kategori organisasi ialah Sime Darby Plantation Berhad.



*Penerima- Penerima Anugerah Langkawi-
Kelestarian Alam Sekitar 2017/ 2018*



MESYUARAT PANEL PENILAI SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS) SESI 2018/2019



Mempromosikan program pendidikan alam sekitar iaitu SLAAS kepada pihak sekolah dengan lebih meluas dan berkesan
Mengalakkan dan meningkatkan penyertaan pihak sekolah dalam program SLAAS;
Meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mengenai pelaksanaan program SLAAS kepada panel penilai
Mengalakkan warga sekolah melaksanakan aktiviti mesra alam dengan berkesan

Program ini berkonsepkan pendekatan menyeluruh yang melibatkan semua lapisan warga sekolah bersama keluarga, komuniti setempat, kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan yang melibatkan empat (4) komponen iaitu pengurusan, kurikulum, kokurikulum, dan penghijauan.



Sekolah Lestari

Anugerah Alam Sekitar

PERSIDANGAN MEJA BULAT TNB BERSAMA JAS MENGENAI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK TALIAN PENGHANTARAN TNB



Satu sesi Persidangan Meja Bulat TNB Bersama JAS Mengenai Pelaksanaan Projek-Projek Talian Penghantaran TNB pada 4 April 2019 di Bangi Resort Hotel.

Persidangan ini telah dihadiri oleh seramai 30 orang wakil daripada Jabatan Grid TNB, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat, JAS Negeri Sembilan, JAS Pahang, JAS Melaka, JAS Kelantan, JAS Selangor, JAS Perak.\

Objektif persidangan ini adalah bagi membincangkan isu-isu pengurusan alam sekitar dalam pelaksanaan projek talian grid TNB.



KURSUS INDUKSI JURURUNDING EIA



Kursus Induksi Jururunding EIA telah diadakan pada 22 hingga 25 April 2019 bertempat di Bangi Resort Hotel, Selangor. Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 55 orang jururunding dari seluruh Malaysia.

Kursus ini dianjurkan oleh Pusat Penilaian EiMAS dengan kerjasama Bahagian Penilaian, JAS dan dirasmikan oleh Puan Siti Zaleha Ibrahim selaku Pengarah EiMAS.

Objektif kursus ini diadakan adalah untuk menerangkan kepada calon jururunding EIA tentang keperluan perundangan, penyediaan dan prosedur dalam pengemukaan Laporan EIA serta bagi memperjelaskan perkara berkaitan Skim Pendaftaran Jururunding EIA .



SESI DIALOG AWAM BERSAMA JABATAN ALAM SEKITAR MENGENAI PROSEDUR EIA

Sesi Dialog Awam Bersama Jabatan Alam Sekitar Mengenai Prosedur EIA telah diadakan pada 29 Januari 2019 bertempat di Dewan Baiduri, Wisma Sumber Asli dan dirasmikan oleh YBrs. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pengkormesilan), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)



Tujuan sesi dialog awam ini diadakan adalah bagi mendapatkan input dari pelbagai pihak bagi membolehkan Jabatan membuat penilaian terhadap proses sedia ada bagi penambahbaikan prosedur EIA.

Selain itu, ia juga diadakan bagi menerangkan peranan Jabatan di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan menjelaskan prosedur EIA yang dilaksanakan oleh Jabatan. Seramai lebih 300 orang peserta telah menghadiri sesi dialog ini yang terdiri daripada orang awam, NGOs, jururunding, ahli akademik dan penggerak projek.

LAWATAN TAPAK PROJEK DI SAMALAJU, SARAWAK



SEKSYEN
PEMATUHAN EIA



KAWASAN TAPAK
PEMBANGUNAN PROJEK



LALUAN MASUK KE
TAPAK PROJEK



“Proposed Integrated Waste Management System (IWMS) in Samalaju, Bintulu, Sarawak”

Lawatan tapak ini telah dijalankan pada 8 Januari 2019 yang lalu di mana lawatan tersebut telah dihadiri oleh wakil JAS Putrajaya, JAS Cawangan Bintulu, pihak penggerak projek iaitu Trienekens (Samalaju) Sdn Bhd dan juga wakil daripada pihak perunding Chemsains Konsultant Sdn Bhd.

Cadangan projek ini merupakan cadangan projek pembinaan Sistem Pengurusan Sisa Bersepadu (IWMS) yang melibatkan pembinaan kemudahan tapak penimbunan tanah selamat (*secure landfill*) yang mana aktiviti ini tertakluk di bawah Jadual Kedua, Aktiviti 14(a) Pembinaan Kemudahan Tapak Penimbunan Tanah Selamat (*secure landfill*) dan beberapa aktiviti lain yang berkaitan tertakluk di bawah Perintah EIA 2015, AKAS 1974.

“Proposed Integrated Waste Management System (IWMS) in Samalaju, Bintulu, Sarawak”

Pegawai daripada Bahagian Penilaian, JAS Ibu Pejabat yang turut serta dalam lawatan tapak tersebut ialah Puan Pengarah Bahagian Penilaian, Puan Rohimah binti Ayub, KPP Mohd Suhaimi bin Azmi dan juga pegawai pemproses laporan TOR dan EIA bagi projek tersebut iaitu Puan Azila binti Haji Amran. Turut hadir ialah Puan Shazana binti Mohd Ibrahim dari Bahagian Penguatkuasa, JAS Ibu Pejabat, selaku Individu Yang Dilantik (AI) bagi cadangan projek ini.

Sebelum ini iaitu pada akhir Jun 2015, projek ini telah pun diluluskan laporan EIA. Namun, cadangan tapak pada waktu itu adalah bertempat di Maskat, Bintulu. Atas faktor lokasi projek yang jauh daripada Samalaju Industrial Park (SIP) dan juga tentangan yang hebat daripada pihak penduduk tempatan ketika itu, Kerajaan Negeri Sarawak terpaksa menghentikan projek tersebut daripada diteruskan dan meminta pihak pemaju projek untuk mendapatkan lokasi yang baharu.

Setelah penelitian dibuat, akhirnya lokasi ini telah dipilih sebagai tapak baharu bagi pembinaan projek ini. Kampung Nyalau merupakan kawasan penempatan terampir dengan tapak cadangan projek.

Kawasan tapak cadangan projek



Kawasan projek ini adalah terletak di Samalaju, Bintulu, Sarawak. Antara isu alam sekitar utama yang perlu diambil perhatian bagi projek ini adalah berkaitan isu kualiti air, udara, pengurusan buangan terjadual, sosio-ekonomi, kesihatan dan juga risiko kebakaran.



Tema untuk tahun ini meraikan lebih daripada tiga dekad kerjasama antarabangsa yang luar biasa untuk melindungi lapisan ozon dan iklim di bawah Protokol Montreal. Ia mengingatkan kita bahawa kita mesti mengekalkan momentum untuk memastikan orang yang sihat dan planet yang sihat.

Protokol Montreal telah membawa kepada fasa penghapusan 99 peratus bahan pemusnah ozon dalam peti sejuk, penghawa dingin dan banyak lagi produk lain.

Penilaian Saintifik Penipisan Ozon yang terkini pada 2018, menunjukkan bahawa, sebahagian daripada lapisan ozon telah pulih pada kadar 1-3% setiap dekad sejak tahun 2000. Pada kadar yang diunjurkan, Hemisfera Utara dan ozon tengah latitud akan pulih sepenuhnya pada tahun 2030-an. Hemisfera Selatan akan diikuti pada tahun 2050an dan Kawasan Polar menjelang 2060. Usaha perlindungan lapisan ozon juga telah menyumbang kepada usaha bagi menangani perubahan iklim dengan mengelakkan kira-kira 135 bilion tan pengeluaran pelepasan karbon dioksida, dari 1990 hingga 2010.

Pada Hari Ozon Dunia ini, kita boleh meraikan kejayaan kita. Tetapi kita semua harus menolak untuk terus memegang keuntungan ini, terutamanya dengan tetap berhati-hati dan menangani apa-apa bahan yang tidak sah bahan pengurangan ozon ketika mereka muncul. Kami juga harus menyokong dengan sepenuh hati menyokong Pindaan Kigali kepada Protokol Montreal, yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019. Dengan pemisahan hidrofluorokarbon (HFCs), yang merupakan pemanasan iklim yang kuat, pindaan ini boleh mengelakkan sehingga 0.4 ° C suhu global meningkat menjelang akhir abad, sambil terus melindungi lapisan ozon. Dan dengan menggabungkan tindakan ke HFCs fasa bawah dengan peningkatan kecekapan tenaga dalam industri penyejukan, kita boleh mencapai manfaat iklim yang lebih besar.

Sumber : <https://ozone.unep.org>

**Mari kita terus
bekerja dan
menyembuhkan
Bersama!**



SAM B U T A N HARI OZON 2019



AKTA PERLINDUNGAN SAKSI 2009

Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696) telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 26 Mac 2009 dan di Dewan Negara pada 8 April 2009. Tarikh permulaan kuat kuasa akta ini adalah pada 15 April 2010.

Akta ini bertujuan untuk mewujudkan suatu program perlindungan saksi dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Perlindungan kepada saksi kes rasuah:

Saksi yang terancam. Sekiranya saksi merasa ada ancaman, beliau perlu membuat aduan kepada pegawai penyiasat kesnya atau mana-mana pegawai SPRM. Maklumat saksi berkenaan akan dikemukakan kepada Unit Perlindungan Saksi Jabatan Perdana Menteri untuk didaftarkan.



Laporkan Aduan Pelanggaran Tatakelakuan, Etika dan Salahlaku Jenayah kepada:

UNIT INTEGRITI JABATAN ALAM SEKITAR

EMAIL: integriti@doe.gov.my